

30 pelajar perubatan UKM terima RM100,000

KUALA LUMPUR 26 Feb. - Sebanyak 30 pelajar perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerima sumbangan derma berjumlah RM100,000 bagi menampung kos pengajian mereka.

Wakil Persatuan Alumni Doktor Perubatan UKM, Dr. Daud Sulaiman berkata, sumbangan tersebut diterima daripada 10 penderma yang terdiri daripada Alumni Fakulti Perubatan UKM,

tokoh korporat dan orang ramai.

Menurut beliau, kutipan derma itu dilakukan dalam masa dua hari sahaja melalui hebahan media sosial dan aplikasi WhatsApp.

“Kutipan derma ini dilakukan setelah menerima cadangan daripada Persatuan Mahasiswa Perubatan UKM (Persiap).

“Ia bertujuan membantu pelajar perubatan yang kurang berkemampuan dan menghadapi masalah un-

tuk membayar yuran pengajian,” katanya ketika ditemui selepas majlis penyerahan sumbangan derma itu di Pusat Perubatan UKM (PPUKM) di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Aziah Mohd. Awal serta Timbalan Dekan Prasiswazah dan Alumni UKM, Prof. Dr. Roslina Ab. Manap.